



Persatuan Pengguna Pulau Pinang
Consumers Association of Penang
檳城消費人協會 பினாங்கு பயனீட்டாளர் சங்கம்

Websites:
(in English, BM, Chinese,
& Tamil)
www.consumer.org.my

10 Jalan Masjid Negeri, 11600 Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 604-8299511 Fax: 604-8298109
email: consumerofpenang@gmail.com

Surat Kepada Pengarang

22 Julai 2022

Berikan Harimau Lebih Banyak Ruang

Penyokong pemuliharaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) amat bimbang terhadap bilangan harimau yang semakin berkurangan. Seawal 2009, pelbagai pelan tindakan telah diambil dengan harapan menjanjikan untuk menggandakan lagi bilangan harimau kepada 1000 ekor menjelang 2020. Bagaimanapun, usaha pemuliharaan ini gagal untuk menstabilkan atau meningkatkan lagi bilangan harimau dan sebaliknya terus menjunam ke paras amat kritikal dengan hanya kira-kira 150 ekor sahaja.

Usaha terbaharu ialah dengan penubuhan satu Pasukan Petugas Pemuliharaan Harimau Kebangsaan (MyTTF) pada Januari 2022 untuk memelihara bilangan harimau untuk tempoh sepuluh tahun akan datang daripada 2021 hingga 2030.

Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP) merasa amat pesimistik mengenai jangkaan pemulihan bilangan harimau dalam tempoh 10 tahun memandangkan penurunan bilangan yang ketara pada masa lalu walaupun terdapat usaha pemuliharaan.

Lebih-lebih lagi, hutan yang sepatutnya dilindungi oleh undang-undang untuk menyokong habitat harimau sedang dimusnahkan dengan begitu cepat sekali oleh permintaan terhadap industri, perladangan, kegunaan untuk pertanian, projek jalan raya, pembinaan empangan mega, pembalakan, industri perlombongan dan kuari.

Sepanjang dekad yang lalu, sebahagian besar kawasan perlindungan yang terdiri daripada santuari hidupan liar, Taman Negeri, Taman Negara, tanah lembap dan santuari penyu yang diwartakan oleh undang-undang Persekutuan dan Negeri untuk memastikan kepelbagaian biologi negara terpelihara, telah hilang.

Rimba Disclosure Project (RDP) mendedahkan satu pendedahan yang amat mengejutkan bahawa Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) meluluskan 24,973.76 hektar iaitu tiga kali ganda saiz Kuala Lumpur atau hampir saiz Singapura untuk penebangan hutan di hutan simpan kekal. Ini adalah tambahan kepada sejumlah 86 Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) yang melibatkan tanah berhutan.

Kumpulan alam sekitar mendakwa bahawa penyenaian hutan ini termasuklah tanah dalam hutan simpan, habitat Central Forest Spine (CFS), dan tanah adat orang asli. Hutan yang paling dicari ialah di Pahang di mana 27,900 hektar telah dijual, diikuti oleh Kelantan (10,411 hektar), Terengganu (3,631 hektar), Perak (202 hektar) yang merupakan empat negeri yang menjadi habitat utama harimau manakala Selangor (264 hektar). Dalam perjuangan antara harimau dan kepentingan ekonomi berskala besar yang direstui negara, kelangsungan hidup haiwan ini kelihatan amat terdesak dan sangat berbahaya.

Selain kehilangan habitat, harimau juga menghadapi tekanan yang tidak henti-henti daripada semua pihak. Pertambahan bilangan manusia mengakibatkan kekurangan spesies mangsa semula jadi untuk harimau dan juga membawa kepada konflik antara manusia dan harimau yang mengakibatkan pembunuhan balas terhadap harimau.

Alasan lain bagi penurunan bilangan harimau termasuklah kecederaan akibat jerat yang membawa kepada kematian, penyakit seperti gangguan pada taring, pemburuan haram, dan pemusnahan habitat oleh penebangan hutan.

Apabila kepentingan komersil mengubah tanah berhutan kita, bilangan harimau menjadi terlantar, kumpulan gen yang terbatas membawa kepada pembiakbakaan dalam. Ahli biologi telah lama mengetahui bahawa bilangan yang berpecah-belah amat terdedah kepada kepupusan.

Perlu ada peralihan daripada mengira bilangan harimau kepada mengekalkan habitat harimau, bukan sahaja dari segi poket tanah tetapi sebagai sebahagian daripada landskap yang lebih besar. Apa yang diperlukan ialah gabungan kawasan perlindungan dan hutan simpan kerana pemuliharaan harimau yang berkesan memerlukan landskap yang luas. Memulihkan ketersambungan hutan dan kawasan perlindungan adalah penting untuk pemulihan harimau dan untuk membolehkan penyebaran bilangannya ke kawasan baharu.

Satu lagi isu yang menghadkan pemulihan bilangan harimau ialah bilangan mangsa yang tidak mencukupi. Oleh sebab itu, mangsa yang mencukupi adalah prasyarat untuk pemulihan semula harimau dan spesies mangsa pilihan bagi harimau ialah babi hutan dan rusa yang turut diburu oleh penduduk tempatan dan pemburu haram untuk mendapatkan dagingnya.

Kini dalam percubaan terakhir untuk menyelamatkan harimau terdapat rancangan yang bercita-cita tinggi untuk pembiakan dalam kurungan dengan tujuan untuk memperkenalkannya semula ke alam liar. Tetapi kebanyakan pemuliharaan harimau ragu-ragu dengan kejayaan itu.

Kajian 2008 daripada penyelidik di Universiti Exeter di United Kingdom mendapati bahawa karnivor yang dibiakkan dalam kurungan seperti harimau yang dilepaskan ke alam liar tidak dapat bertahan dalam peralihan, ini menimbulkan persoalan mengenai keberkesanan usaha pemuliharaan baka dalam kurungan. Kadar kelangsungan hidup yang rendah telah dikaitkan dengan kurangnya ketakutan terhadap manusia dan kemahiran memburu yang penting.

Kedua, pengenalan semula hanya boleh berlaku jika terdapat kawasan besar hutan asli di mana mangsa boleh berkembang dan tumbuh-tumbuhan untuk menyokongnya. Selagi habitat dan mangsa kekal utuh, harimau akan dapat pulih secara adil.

Tetapi keutamaan yang paling utama ialah menyingkirkan masalah yang menyebabkan kemerosotan harimau itu di tempat pertama. Apa yang diperlukan ialah kemahuan politik di peringkat tempatan dan nasional. Ia perlu menghentikan penukaran hutan simpan yang dilindungi kepada ladang.

Perundangan perlu dikuatkuasakan dengan sempurna dan disediakan dengan peruntukan sumber di mana ia diperlukan. Masyarakat yang tinggal berhampiran dengan harimau perlu diberi pendidikan untuk mengubah sikap mereka terhadap haiwan itu.

Meramalkan bagaimana atau sama ada harimau itu boleh bertahan dalam tekanan besar yang dihadapinya bergantung kepada komitmen dan kesediaan dalam kalangan ahli politik kita untuk melayani kepentingan yang lebih besar daripada pihak berkepentingan yang mereka pegang pada masa ini. Apa yang harimau perlukan lebih daripada segala-galanya ialah ruang!

Mohideen Abdul Kader
Presiden
Persatuan Pengguna-Pengguna Pulau Pinang (CAP)